

USLUB DAKWAH NABI S.A.W TERHADAP WANITA BUKAN ISLAM

(The Prophet's Methodology of *Da'wah* to Non-Muslim Women)¹

Oleh:

Roshimah binti Shamsudin^{*}
Mohd Siroj bin Abdul Lathiff^{**}
Mohd Tajuddin bin Ismail^{***}

Abstrak

Al-Qur'an dan al-Sunnah telah memaparkan pelbagai uslub dakwah Nabi s.a.w. sebagai model dakwah yang sempurna. Nabi s.a.w. merupakan model pendakwah yang paling ideal kerana mendapat didikan secara langsung daripada Allah s.w.t. Berasaskan wahyu daripada Allah, Nabi s.a.w menegakkan dakwah kepada seluruh manusia merentasi sempadan seluruh alam tanpa membezakan bangsa Arab mahupun bukan Arab, melampaui sempadan negara baik Timur ataupun Barat, melangkaui warna kulit manusia serta merangkumi seruan terhadap kaum lelaki dan wanita. Namun demikian, seruan dakwah yang dibawa oleh Nabi s.a.w. disalahfahami oleh musuh Islam dengan dakwaan Islam adalah agama yang tidak bertoleransi terhadap bukan Islam. Justeru, penulisan ini bertujuan membincangkan dakwah Nabi s.a.w terhadap wanita bukan Islam yang wujud pada zaman Nabi s.a.w dengan memfokusannya kepada aspek yang berkaitan dengan uslub dakwah Nabi s.a.w terhadap mereka. Penulisan yang berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah pengumpulan data dengan melakukan penelitian terhadap ayat-ayat al-Qur'an dan matan-matan hadith terpilih yang berkaitan dengan uslub dakwah Nabi s.a.w terhadap wanita bukan Islam, di samping menganalisis data-data tersebut berdasarkan kaedah induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa sirah perjuangan dakwah Nabi s.a.w selama 23 tahun telah memaparkan kepelbagaian uslub dalam berkomunikasi dan berinteraksi dengan wanita bukan Islam sama ada dalam fasa dakwah di Mekah mahu pun di Madinah. Penemuan kajian juga turut menunjukkan bahawa Nabi s.a.w telah menjalinkan perhubungan dan bermuamalah dengan wanita bukan Islam dalam pelbagai situasi dan keadaan sama ada ketika ditindas, semasa aman atau pun ketika perang. Kepelbagaian uslub dakwah yang digunakan oleh Nabi s.a.w. adalah penting dan perlu dilaksanakan oleh para pendakwah masa kini sekalipun zaman dan konteksnya sudah berubah.

Kata kunci: Uslub, Dakwah Nabi s.a.w, Wanita bukan Islam, Muamalah.

Abstract

The Qur'an and the Sunnah have revealed various *da'wah* methodology practised by Prophet Muhammad (PBUH) that can be regarded as the perfect model of *da'wah*. The Prophet (PBUH) is an ideal model of a preacher or proselytiser because he received revelation direct from Allah s.w.t. Based on the revelation, the Prophet (PBUH) presented *da'wah* to all human beings across borders irrespective of whether they were Arabs or non-Arabs, beyond the national boundaries of East and West, regardless of their race and colour differences, and included calls for both men and women. Nevertheless, *da'wah* of the Prophet (PBUH)'s were misunderstood by the enemies of Islam who claimed that Islam is intolerance towards non-Muslims. Therefore, this writing aims to discuss the Prophet's (PBUH) *da'wah* to non-Muslims women who were living in the time of the Prophet (PBUH). It focuses on aspects related to the methodology used by the Prophet's to preach *da'wah* to them. The data collection method for this qualitative-based study was accomplished by conducting an observation of the Quranic verses and selected Hadiths texts that are related to the Prophet's (PBUH) *da'wah* methodology pertaining to non-Muslims women. Thus, the data were analysed based on the inductive and deductive methods. Findings of this study indicated historical evidence of the Prophet's (PBUH) diverse methodology in communicating and interacting with non-Muslims women during his 23 years efforts of preaching *da'wah*, either in the phase in Mecca or in Madinah. The study's findings also revealed that the Prophet (PBUH) had established communication and conducted *muamalah* with non-Muslims women in various situations and conditions, either while they were being suppressed, in the time of peace or during war.

¹ Kajian ini adalah sebahagian daripada peruntukan Geran Penyelidikan Jangka Pendek USM: 304/PHUMANITI/6313200 yang diperuntukkan kepada penyelidik bagi kajian antara tahun 2015-2017.

* Corresponding author: Roshimah binti Shamsudin, PhD, Pensyarah Kanan di Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Emel: roshimah@usm.my

** Mohd Siroj Abdul Lathiff, calon Ijazah kedoktoran, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Emel: msal15_hum006@student.usm.my

*** Mohd Tajuddin bin Ismail, calon Ijazah kedoktoran, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Emel: mti114_hum072@student.usm.my

The diversity of the Prophet's (PBUH) *da'wah* methodology is significant and should be implemented by contemporary *da'wah* practitioners even though the time and context have changed.

Keywords: Methodology, *Da'wah of the Prophet (PBUH)*'s, Non-Muslim Women, Muamalah.

Pendahuluan

Dakwah Islam disebarluaskan oleh Nabi s.a.w kepada seluruh umat manusia dengan kaedah, uslub dan manhaj yang telah diwahyukan oleh Allah s.w.t sebagaimana yang termaktub di dalam Al-Qur'an.² Maka Nabi s.a.w adalah pendakwah yang diutuskan kepada seluruh umat manusia tanpa dibezakan sasaran dakwah di antara seseorang individu dengan seseorang yang lain sama ada kaya atau miskin, kuat atau lemah dan lelaki atau perempuan.³ Nabi s.a.w mengakui sendiri bahawa baginda adalah pendakwah bagi sekalian makhluk sebagaimana sabdanya seperti berikut:

وَأَرْسَلْنَا إِلَى الْخُلُقَ كَافَةً، وَخُتِّمْ بِي النَّبِيُّونَ

Maksudnya: “*Aku diutuskan kepada semua makhluk secara keseluruhan dan aku adalah penutup sekalian nabi.*”⁴

Ibn Taimiyyah (w. 1328H) dalam menghuraikan hadith di atas menyatakan bahawa Nabi s.a.w membawa risalah yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Kandungan risalah dakwah tersebut merangkumi seruan terhadap seluruh komuniti yang wujud ketika itu yang terdiri daripada golongan Yahudi, Nasrani, Musyrikin dan para penyembah berhala sama ada lelaki ataupun perempuan serta tidak terkecuali golongan jin.⁵ Selaras dengan itu, al-Jawharah binti Muhammad al-'Imrani dalam kajianya yang bertajuk *Da'wah al-Nabi s.a.w li al-Nisa'* menyatakan bahawa dakwah Nabi s.a.w memang disasarkan kepada kaum lelaki dan wanita. Dalam konteks dakwah terhadap wanita, ia berlaku dalam pelbagai keadaan yang berbeza dan bersesuaian dengan situasi mereka.⁶ Berikutan itu, jelas bahawa wanita antara sasaran yang menjadi tumpuan dakwah Nabi s.a.w selain kaum lelaki. Tidak hairanlah Nabi s.a.w amat prihatin terhadap dakwah dalam kalangan kaum wanita sehingga meninggalkan pesanan khusus agar ditunaikan hak-hak wanita di samping menjaga pergaulan terhadap mereka sebagaimana sabda baginda seperti berikut:

فَاتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ فَإِنَّكُمْ أَخْذَنُوهُنَّ بِأَمَانَ اللَّهِ

Maksudnya: “*Bertakwalah kepada Allah pada (dalam menunaikan hak-hak) para wanita, kerana sesungguhnya kamu telah mengambil mereka dengan amanah.*”⁷

Menurut al-Nawawi (w. 676H) hadith di atas menunjukkan bahawa Nabi s.a.w menggesa agar ditunaikan tanggungjawab terhadap wanita dan menggauli mereka dengan layanan yang baik.⁸ Nabi s.a.w turut menggesa agar menerima wasiat baginda dalam bermuamalah dan bersikap lemah lembut terhadap wanita.⁹ Oleh itu, seruan dakwah terhadap kaum wanita turut merangkumi wanita bukan Islam sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah *al-Anbiyya'* ayat ke 107 seperti berikut:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ

Maksudnya: “*Tidaklah kami mengutuskan engkau (Muhammad s.a.w) melainkan sebagai rahmat kepada sekalian alam*”

Ibn Qayyim al-Jawziyyah (w. 751H) menyatakan penafsiran yang paling tepat bagi perkataan “*Rَحْمَةُ الْعَالَمِينَ*” adalah merujuk kepada risalah dakwah yang dibawa baginda merangkumi seluruh umat manusia sama ada

² 'Abd al-Karim Zaidan (2002). *Usul Da'wah*, Cetakan ke 9, Beirut : Mu'assasah al-Risalah, hlm 5.

³ Ahmad Ahmad Ghalus (1978), *Al-Da'wah al-Islamiyah U'luluhi wa Wasa'iluha*, Kaherah: Dar al-Kitab al-Islamiyah, hlm 450.

⁴ Muslim bin Hajjaj (1998), *Sahih Muslim*, juz.3, no. 3009, hlm.109.

⁵ Ibn Taimiyyah (1993), *al-Jawab al-Sahih li Man Badal Din al-Masih*, Riyadh: Dar al-'Asimah, juz 1, hlm 336.

⁶ Al-Jawharah binti Muhammad al-'Imrani (1998), *Da'wah al-Nabi s.a.w li al-Nisa'*, Riyadh: Universiti Islam Muhammad bin Su'ud, hlm. 7, 10.

⁷ Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Salam, Bab حَجَّةُ النَّبِيِّ, juz.4, no. 3009, hlm. 39.

⁸ Yahya bin Syarif al-Nawawi (1973), *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, juz. 8, hlm 183.

⁹ Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (2001), *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, Beirut : Dar al-Ma'rifah, hlm 368.

terhadap Muslim, kafir malah termasuk golongan Munafik. Malah orang kafir yang mengikat perjanjian dengan baginda memperolehi “*rahmat*” atau manfaat dengan dibiarkan menjalani kehidupan di dunia dalam perlindungan dan perjanjian oleh baginda selagi mereka tidak memerangi Islam.¹⁰ Selain itu, menurut Mohammad Nidzam Abdul Kadir terdapat riwayat yang mencatatkan wujud golongan bukan Muslim yang hidup dalam masyarakat muslim di Madinah.¹¹ Sudah tentu Nabi s.a.w menyebarkan dakwah terhadap seluruh manusia termasuk kepada wanita bukan Islam. Sirah perjuangan Nabi s.a.w selama 23 tahun dalam menyebarkan dakwah telah memaparkan kepelbagaiannya uslub baginda dalam berinteraksi dan berkomunikasi khususnya terhadap wanita bukan Islam. Oleh itu, aplikasi uslub dakwah terhadap wanita bukan Islam perlu dihidupkan semula dalam berinteraksi dan bermuamalah dengan mereka mengikut acuan Nabi s.a.w. bagi memastikan kejayaan dakwah Islamiah terlaksana dengan sempurna.

Definisi Uslub

Uslub yang merupakan komponen penting dalam memastikan usaha dakwah berjaya¹² didefinisikan oleh al-Bayanuni sebagai *al-turuq* (الطرق) yang secara literalnya bermaksud jalan-jalan. Secara terminologinya pula, perkataan uslub dapat ditakrifkan sebagai pendekatan yang digunakan oleh pendakwah dalam menyampaikan dakwahnya atau kaedah dalam melaksanakan manhaj dakwah.¹³

Manakala menurut Samil ‘Atif al-Zain uslub ialah kaedah-kaedah atau cara-cara tertentu yang digunakan untuk tujuan melakukan dakwah.¹⁴ Justeru difahami bahawa perkataan uslub merujuk kepada kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh pendakwah.

Definisi Dakwah

Ungkapan dakwah pula berasal daripada kalimah bahasa Arab iaitu daripada asal perkataan دُعَةً، يَدْعُو، دَعَا. Perkataan ini mempunyai maksud tersendiri daripada dua aspek utama iaitu daripada sudut bahasa dan sudut istilah. Maksud dakwah daripada sudut bahasa ialah menyeru seseorang melakukan sesuatu atau memberangsangkan seseorang untuk mendapatkan sesuatu.¹⁵ Manakala daripada sudut istilah pula menurut Ibn Qayyim al-Jauziyyah (w. 751H) dakwah ialah menyeru kepada agama Allah, mengajak manusia beribadah kepadaNya, membawa kepada mengenal Allah serta mencintaiNya.¹⁶ Malah menurut Muhammad al-Ghazali pula dakwah ialah satu program lengkap merangkumi segala ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia dalam menjelaskan tujuan dan matlamat hidup seseorang ke arah menyingkap petunjuk jalan yang menjadi pedoman kepada manusia.¹⁷ Menurut Abd Aziz Mohd Zin gabungan perkataan uslub dakwah membawa maksud kajian tentang kaedah berdakwah atau sains cara dakwah. Uslub dakwah mempunyai dua kategori pengertian utama iaitu uslub dakwah dengan makna khusus dan uslub dakwah dengan makna umum. Uslub dakwah makna khusus merujuk kepada kaedah penyampaian atau bentuk persembahan isi kandungan. Manakala uslub dakwah dengan makna umum pula merujuk kepada cara dakwah yang melibatkan kaedah pemilihan isi untuk disesuaikan dengan sasaran, pemilihan saluran dan media untuk disesuaikan dengan sasaran dan pemilihan bentuk penyampaian yang lebih menarik sasaran menerima dakwah.¹⁸

Secara kesimpulannya gabungan perkataan uslub dan dakwah membawa kepada makna seni berdakwah atau kemahiran mengajak seseorang kepada petunjuk agama berdasarkan cara-cara yang tersendiri sehingga dapat menarik sasaran kepada jalan Allah.

¹⁰ Muhammad bin Abu Bakr bin Qayyim al-Jauziyyah (1987), *Jila’ al-Afham*, Kuwait: Dar al-‘Aruba, juz 1, hlm 181.

¹¹ Mohammad Nidzam Abdul Kadir, *Bagaimana Berinteraksi dengan Bukan Islam dalam Konteks Malaysia*, Kertas Kerja Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam dalam Negara Islam, Shah Alam : Selangor, 23-24 Disember 2009, hlm. 2.

¹² Abd Aziz Mohd Zin (2001). *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, hlm 2.

¹³ Muhammad Abu al-Fadhl al-Bayanuni (1995), *al-Madkhāl ilā ‘Ilm al-Da’wah*, Beirut : Mu’assasah al-Risalah, hlm. 47.

¹⁴ Samil ‘Atif al-Zain (1985), *Sifat al-Da’iyah wa Kaifiyah amala al-Da’wah*, Beirut : Dar al-Kutub, hlm 352.

¹⁵ Wan Husein Azmi (1984). *Ilmu Dakwah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 2.

¹⁶ Muhammad bin Abu Bakr bin Qayyim al-Jauziyyah (1996), *Miftah Dar al-Sa’adah wa Mansyur Walayah ‘Ahl al-‘Ilm wa Irada*, Beirut : Dar Ibn ‘Affan, juz 1, hlm 474.

¹⁷ Muhammad al-Ghazali (1981). *Ma’ a Allah*, Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, hlm 17.

¹⁸ Abd Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, hlm 23.

Definisi Bukan Islam atau *Non-Muslim*

Istilah bukan Islam atau *non-Muslim* merujuk kepada istilah khas kepada orang bukan Islam iaitu orang-orang yang masih belum beriman kepada Allah s.w.t. atau dipanggil dengan istilah kafir. Kamus Dewan menjelaskan maksud kafir sebagai orang yang tidak percaya kepada Allah dan RasulNya atau secara ringkasnya bermaksud orang bukan Islam.¹⁹ Al-Bayanuni mengkategorikan bukan Islam atau bukan Islam kepada tiga golongan. Pertama golongan yang ingkar kebenaran agama Samawi seperti golongan yang berfahaman komunis dan sebagainya. Kedua golongan Musyrik iaitu golongan yang menyekutukan Allah. Ketiga golongan ahli Kitab iaitu golongan yang menjadi pengikut agama Yahudi dan Nasrani.²⁰ Jelas bahawa bukan Islam terdiri daripada bangsa dan kaum lain yang berlainan agama dengan Islam.

Uslub Dakwah Terhadap Bukan Islam

Abd Aziz Mohd Zin telah menganjurkan enam prinsip asas (*dawabit*) dalam berdakwah terhadap bukan Islam sebagaimana berikut :²¹

- (a) Penjelasan yang nyata dan terang
- (b) Mudah
- (c) Berperingkat-peringkat
- (d) Menjinakkan hati
- (e) Menerangkan sebab di sebalik sesuatu suruhan dan larangan
- (f) Bersesuaian dengan keadaan sasaran

Manakala Mohammad Nidzam Abdul Kadir menambah beberapa prinsip lain yang perlu diberi perhatian ketika berinteraksi dengan mereka, iaitu toleransi dan *tasamuh*, tidak terikat dengan kefahaman sesuatu mazhab sahaja, mengutamakan perkara yang lebih utama, tidak membawa isu-isu khilaf dan memberi contoh imej muslim yang baik.²² Prinsip ini perlu difahami dengan baik oleh golongan pendakwah

Uslub Dakwah Nabi S.A.W Terhadap Wanita Bukan Islam

Dalam menyampaikan dakwah terhadap wanita bukan Islam, beberapa uslub dakwah Nabi s.a.w telah dikenalpasti berdasarkan nas-nas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Antara uslub tersebut adalah seperti berikut :

Uslub *al-'Afw wa al-Safh*

Kalimah *al-'Afw wa al-Safh* adalah berasaskan ayat 109 surah al-Baqarah iaitu ﴿فَاغْفِرْ وَاصْنُحُوا﴾ yang bermaksud: “Maafkanlah mereka dan biarkanlah mereka”.²³ Daripada sudut istilah *al-'Afw* dan *al-Safh* mengandungi maksud yang hampir sama. *Al-'Afw* ialah memaafkan kesalahan dan tidak mengenakan sebarang hukuman manakala *al-Safh* pula ialah mengampuni kesalahan sehingga hilang rasa bersalah.²⁴ Ayat ini menurut Ibn Kathir mengandungi perintah Allah terhadap orang mukmin supaya bersikap memaafkan kaum Musyrikin dan Ahli Kitab. Namun sikap ini bersifat sementara sahaja.²⁵ Perintah ini kemudiannya dimansukhkan dengan ayat lain yang memerintahkan umat Islam memerangi mereka sehingga mereka beriman dan membayar jizyah.²⁶ Walaubagaimanapun Ibn Asyur berpandangan bahawa ayat tersebut tidak dimansukhkan malah menurut beliau pandangan yang menyatakan bahawa ayat tersebut dimansukhkan adalah satu kekeliruan. Beliau selanjutnya menegaskan bahawa *al-'Afw* dalam konteks ayat tersebut adalah perbahasan yang lain berkaitan dengan kaedah interaksi dengan bukan Muslim. Manakala ayat perintah memerangi bukan Muslim pula adalah dalam konteks

¹⁹ Noresah Baharom et.al (2010), *Kamus Dewan Edisi ke Empat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 654.

²⁰ Al-Bayanuni, *al-Madkhali 'Ilm al-Da'wah*, hlm. 178-179.

²¹ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, hlm 2.

²² Mohammad Nidzam Abdul Kadir, *Bagaimana Berinteraksi dengan Bukan Islam dalam Konteks Malaysia*, hlm. 2.

²³ Syafiyyurrahman (2014), *Shahih Tafsir Ibnu Kathir*, Jakarta: Pustaka Ibnu Kathir, jld.1, hlm. 382.

²⁴ Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi (2003), *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Riyadh: Dar 'Alim al-Kutub, juz .2, hlm. 71

²⁵ 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il bin 'Amru bin Kathir (2008), *Tafsir Ibn Kathir Tahdhib wa Tartib*, Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi (pnyt.), Amman : Dar al-Faruq, j.1, hlm. 250.

²⁶ Abi Ja'far Muhammad b. Jarir al-Tabari (2012), *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*, Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi (pnyt.), Damshik : Dar al-Qalam, j.1, hlm. 400.

yang lain dan mempunyai sebab yang khusus.²⁷ Justeru itu, beliau membawa hujah bahawa ‘Umar al-Khattab pernah memaafkan al-Hurr dari dihukum apabila dibacakan ayat tersebut kepadanya.²⁸ Ini menunjukkan bahawa ayat berkenaan masih relevan untuk diaplikasikan dalam konteks dakwah terhadap bukan Muslim. Oleh itu, dalam konteks dakwah, uslub *al-‘Afw wa al-Safh* boleh difahami sebagai seni berdakwah dengan memberi kemaafan kepada pihak yang bersalah tanpa mengenakan sebarang hukuman atas sebab menyebarkan dakwah Islamiah.

Dalam sejarah Islam, pelaksanaan uslub *al-‘Afw wa al-Safh* telah lama diperaktikkan oleh Nabi s.a.w khususnya terhadap golongan wanita bukan Islam. Pelaksanaannya dapat dilihat dalam sebuah hadith yang menceritakan bagaimana Nabi s.a.w. telah memaafkan kesalahan seorang wanita Yahudi yang telah meracun makanan yang diberikan kepada baginda. Kisah tersebut telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik sebagaimana katanya:

أَنَّ يَهُودِيَّةً أَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِشَاةٍ مَسْمُومَةً فَأَكَلَ مِنْهَا فَجَيَءَ بِهَا قَفِيلٌ أَلَا نَقْتُلُهَا قَالَ لَا فَمَا زِلْتُ أَعْرِفُهَا فِي لَهْوَاتِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Sesungguhnya terdapat seorang wanita Yahudi telah datang menemui Nabi S.A.W dengan membawa seekor kambing yang telah diracun, lalu baginda memakan sebahagian daripada daging tersebut. Kemudian wanita itu (segera) dibawa menghadap Nabi s.a.w. dengan bukti daging tersebut dan dikatakan oleh para sahabatnya; “Perlukah kami membunuhnya”. Lantas baginda bersabda; “Jangan”. Sejak itu aku melihat terdapat kesan racun pada lelangit (mulut) Rasulullah s.a.w.”²⁹

Berdasarkan hadith tersebut Ibn Hajar al-‘Asqalani (w. 852H) menyatakan bahawa Nabi s.a.w telah termakan daging yang diracun oleh seorang wanita Yahudi yang bernama Zainab binti Harith untuk menguji kenabian baginda.³⁰ Akibat tindakan wanita Yahudi tersebut menyebabkan para sahabat Nabi s.a.w. ingin membunuhnya namun Nabi s.a.w tidak mengizinkannya malah membebaskannya tanpa sebarang hukuman.

Sehubungan dengan itu, tindakan Nabi s.a.w membebaskan wanita Yahudi tersebut menunjukkan bahawa baginda telah memaafkannya dan tidak menunjukkan sebarang reaksi berdendam dengannya. Maka dalam konteks dakwah, tindakan Nabi s.a.w. dalam peristiwa tersebut adalah satu bentuk uslub yang cuba disampaikan kepada golongan bukan Muslim iaitu uslub *al-‘Afw wa al-Safh*. Maka kisah ini menggambarkan teladan dakwah yang sepatutnya diamalkan oleh setiap Muslim ketika berinteraksi dengan bukan Islam dalam kehidupan seharian. Secara zahirnya ia mampu melembutkan hati golongan sasaran dan mempengaruhi mereka menerima kebenaran ajaran Islam.

Uslub Husn al-Mu‘amalah

Dalam menyampaikan isi dakwah, pergaulan yang baik dan mesra dengan golongan sasaran adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian. Mempamerkan akhlak dan nilai moral yang baik adalah salah satu daripada uslub dakwah yang dituntut dalam Islam.³¹ Menurut al-Qahtani uslub *Husn al-Mu‘amalah* ialah dengan menonjolkan akhlak yang mulia seperti suka menolong, lemah lembut, pemurah, dan sabar.³²

Antara bentuk uslub *Husn al-Mu‘amalah* yang pernah ditonjolkan oleh Nabi s.a.w. ialah ketika berinteraksi dengan wanita bukan Islam yang sedang membawa air dengan menunggang unta. Hadith ini telah diriwayatkan oleh ‘Imran bin Husayn sebagaimana katanya :

²⁷ Menurut Rashid Ridha (W. 1354H), ayat perintah untuk memerangi orang kafir tidak memansuhkan ayat memberi kemaafan yang diturunkan sebelumnya malah ayat memberi kemaafan masih relevan dalam konteks sekarang dan merupakan ayat hukum yang tidak pernah dimansuhkan sama sekali malah diamalkan mengikut konteks dan kondisi semasa (Lihat: Rashid Ridha, *Tafsir al-Manar*, (t.th), Beirut: Dar al-Fikr, juz. 10, hlm. 150).

²⁸ Al-Tahir Ibn Asyur, (1997). *Al-Tahrir al-Tanwir*, Tunisia: Dar al-Sahmun, juz 9, hlm 225. Ibn Asyur menukilkan kisah ‘Umar al-Khattab dengan al-Hurr berdasarkan hadis dalam *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas no 4643 dlm bab خذ العفو وأمر بالغُرُف واعرض عن الْجَاهِلِينَ

²⁹ Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari (2002), *Sahih al-Bukhari*, Bab قبول الهداية من المشركيين, Beirut : Dar Thawqu al-Najah, juz. 3, Hadith No. 2617. hlm 163.

³⁰ Ibn Hajar , *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, juz. 10, hlm 245.

³¹ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, hlm. 164.

³² Sa‘id bin ‘Ali al-Qahtani (1994), *Muqawimmat al-Da‘yah al-Najihat*, hlm 103.

فَبَيْنَمَا نَحْنُ نَسِيرُ إِذَا نَحْنُ بِامْرَأَةٍ سَادِلَةً رَجُلِيهَا بَيْنَ مَرَادَتِينَ فَقُلْنَا لَهَا أَيْنَ الْمَاءُ فَقَالَتْ إِنَّهُ لَا مَاءَ فَقُلْنَا كُمْ بَيْنَ أَهْلَكِ وَبَيْنَ الْمَاءِ قَالَتْ يَوْمٌ وَلِيَلَّةٌ فَقُلْنَا أَنْطَلَقَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ وَمَا رَسُولُ اللَّهِ فَلَمْ تُمْكِنْهَا مِنْ أَمْرِهَا حَتَّى اسْتَقْبَلَنَا بِهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَحَدَّثَنَا بِمِثْلِ الَّذِي حَدَّثَنَا غَيْرُ أَنَّهَا حَدَّثَنَا أَنَّهَا مُؤْتَمَةٌ فَأَمَرَ بِمَرَادَتِهَا فَمَسَحَ فِي الْعَرْلَوِينَ فَسَرَبْنَا عَطَاشًا أَرْبَعِينَ رَجُلًا حَتَّى رَوَيْنَا فَمَلَأْنَا كُلَّ قَرْبَةٍ مَعَنًا وَإِذَا وَجَدْنَا غَيْرَ أَنَّهُ لَمْ يَسْقُ بَعِيرًا وَهِيَ تَكَادُ تَنْضَدُ مِنَ الْمَلِءِ ثُمَّ قَالَ هَاتُوا مَا عِنْدُكُمْ فَجَمِيعَ لَهَا مِنَ الْكِسْرِ وَالثُّمُرِ حَتَّى أَتَتْ أَهْلَهَا قَالَتْ لَقِيتُ أَسْحَرَ النَّاسَ أَوْ هُوَ نَبِيٌّ كَمَا زَعَمُوا فَهَدَى اللَّهُ ذَلِكَ الصَّرْمَ بِنَلِكَ الْمَرْأَةَ فَأَسْلَمَتْ وَأَسْلَمْ

Maksudnya: Ketika kami sedang berjalan, ada seorang wanita yang (menunggang unta) kedua kakinya terjuntai di antara kantung besar berisi air yang dinamakan Mizadah. Kami bertanya kepadanya; “Di mana ada air? Wanita itu menjawab; “Tidak ada air”. Kami bertanya lagi; “Berapa jarak antara keluargamu (rumahmu) dan air? Wanita itu menjawab; “Sehari semalam”. Maka kami berkata; “Marilah berjumpa dengan Rasulullah s.a.w”. Wanita itu bertanya; “Siapakah Rasulullah s.a.w?” kami tidak menceritakan perihal Rasulullah s.a.w. kepadanya hingga hal kami mengadap Nabi s.a.w. bersama wanita itu. Lalu wanita itu menceritakan kepada Nabi s.a.w. sebagaimana dia menceritakan kepada kami dan hanya menambah bahawa dia adalah seorang ibu kepada anak-anaknya yang yatim. Maka Nabi s.a.w. meminta kantung air milik wanita itu lalu baginda mengusap tali penutupnya. Akhirnya kami yang berjumlah empat puluh orang lelaki dalam keadaan kehausan dapat minum air sehingga puas dan setiap dalam kalangan kami dapat memenuhi kantung air masing-masing kecuali kami tidak memberikan minuman itu kepada unta yang sentiasa ada sisa-sisa air padanya. Kemudian Nabi s.a.w. bersabda; “Bawalah ke mari apa yang ada pada kalian”. Maka dikumpulkan untuk wanita itu daging dan kurma-kurma hingga dia pulang berjumpa keluarganya lalu berkata; “Aku telah berjumpa dengan orang yang paling penyihir atau dia seorang Nabi sebagaimana mereka mengakuinya”. Lalu Allah s.w.t. memberi hidayah kepada kaum tersebut melalui perantaraan wanita itu, wanita itu masuk Islam bersama-sama dengan kaumnya.³³

Hadith ini memaparkan kisah Nabi s.a.w. dan para sahabatnya sedang bermuamalah dengan seorang wanita bukan Islam di samping permintaan mereka untuk mendapatkan air daripada wanita tersebut.³⁴ Di dalam perbualan tersebut, Nabi s.a.w. menunjukkan sikap prihatin terhadap wanita tersebut dengan bertanya tentang latar belakangnya dan turut meminta izin sebelum meminjam kantung air milik wanita itu. Dalam situasi Nabi s.a.w. dengan kekuatan 40 orang sahabatnya yang berpeluang untuk merampas apa sahaja barang milik wanita bukan Islam itu namun tidak pula berbuat demikian malah Nabi s.a.w. telah mempermohonkan peribadi yang baik dan hubungan yang mesra ketika bermuamalah dengannya. Nabi s.a.w. turut memberikan beberapa hadiah kepada wanita tersebut sebagai tanda penghargaan dan simpati dengan keadaannya yang menjaga anak-anak yatim. Kedudukan wanita itu yang masih belum Islam tidak mempengaruhi sikap Nabi s.a.w. untuk mengkasarinya.

Uslub *Husn al-Mu'amalah* yang ditonjolkan Nabi s.a.w. dalam pergaulan dengan wanita bukan Islam itu telah memberi kesan pada jiwanya sekali gus berjaya mempengaruhi dia dan kaumnya untuk memeluk Islam.³⁵ Ini kerana contoh teladan yang baik lebih jelas bagi sasaran untuk melihat dan mengikutinya.³⁶ Maka pengamalan uslab *Husn al-Mu'amalah* dalam kehidupan seharian tidak boleh dipandang remeh terutamanya dalam gerakan dakwah Islam.

Uslub *al-Ta'lif bi al-Du'a'*

Uslub *al-Ta'lif bi al-Du'a'* difahami sebagai seni berdoa bagi melembutkan hati golongan sasaran. Antara uslab dakwah Nabi s.a.w. ialah menjadikan doa sebagai satu usaha melembutkan hati golongan bukan Islam agar beriman kepada Allah s.w.t.³⁷ Al-Bukhari di dalam kitab *Sahihnya* telah menggariskan satu bab berkaitan dengan doa Nabi s.a.w. terhadap bukan Islam iaitu bab ”الدُّعَاءُ لِلْمُشْرِكِينَ بِالْهُدَى لِيَتَأَفَّهُمْ“ . Antara hadith yang dirakamkan oleh al-Bukhari dalam bab ini ialah hadith berkaitan doa Nabi s.a.w. terhadap kaum Daws, yang merupakan kabilah al-Tufail bin ‘Amru daripada Bani Daws bin ‘Adnan³⁸ agar mereka diberi petunjuk dan

³³ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, No. 3306, hlm. 407

³⁴ Al-Nawawi, *Sharh al-Nawawi ‘ala Sahih Muslim*, juz. 5, hlm. 192.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Abd Aziz Mohd Zain, *Metodologi Dakwah*, hlm. 164.

³⁷ Sa‘id bin ‘Ali, (2001), *Fiqh al-Da‘wah fi Sahih al-Bukhari*, Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniah, hlm. 530.

³⁸ Al-Sam‘ani, Abd al-Karim b. Muhammad, (1988), *Al-Ansab*, Beirut: Dar al-Hanan, juz 2, hlm. 506.

hidayah oleh Allah s.w.t.³⁹ Ini menunjukkan doa untuk melembutkan hati golongan sasaran adalah sesuatu yang penting dan terdapat petunjuk Nabi s.a.w. ke arah pengamalannya.

Dalam konteks dakwah terhadap wanita bukan Islam, terdapat petunjuk khusus daripada Nabi s.a.w.yang berdakwah berasaskan uslub *al-Ta'lif bi al-Du'a'*. Petunjuk tersebut telah dirakamkan oleh Abu Hurayrah r.a di dalam sebuah hadith yang menceritakan bagaimana ibunya yang bernama Umaimah binti Šubayh⁴⁰ yang ketika itu masih Mushrik diajak beliau untuk memeluk Islam. Namun ibunya enggan malah mengeluarkan kata-kata yang kurang baik terhadap diri Rasulullah s.a.w. Kemudian Abu Hurayrah mendatangi Rasulullah s.a.w. sambil menangis dan berkata;

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنِّي كُنْتُ أَذْعُو أُمِّي إِلَى الْإِسْلَامِ فَقَاتَنِي عَلَيَّ فَدَعَوْنَاهَا الْيَوْمَ فَاسْمَعْتُنِي فِيَّكَ مَا أَكْرَهَ فَادْعُ اللَّهَ أَنْ يَهْدِي أُمَّ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُمَّ اهْدِ أُمَّ أَبِي هُرَيْرَةَ فَخَرَجْتُ مُسْتَبْشِرًا بِدَعْوَةِ نِبِيِّ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فَلَمَّا جَئْتُ فَصِيرَتُ إِلَى الْبَابِ فَإِذَا هُوَ مُجَافٌ فَسَمِعْتُ أُمِّي خَفِيفَ قَمَمَيْ فَقَالَتْ مَكَانِكَ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ وَسَمِعْتُ حَضْنَخَصَّةَ الْمَاءِ قَالَ - فَاغْتَسَلَتْ وَلَيْسَتْ دِرْعَهَا وَعَجَلَتْ عَنْ خِمَارِهَا فَقَتَّحَتِ الْبَابَ ثُمَّ قَالَتْ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

Maksudnya: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya sering mengajak ibuku untuk masuk Islam akan tetapi dia selalu menolak dan mengucapkan kepada saya kata-kata yang saya tidak suka tentang engkau. Oleh itu mohonkanlah kepada Allah agar ibu saya mendapat hidayah. Setelah mendengar penjelasan saya Rasulullah s.a.w. terus berdoa; “Ya Allah, berikanlah hidayah kepada ibu Abu Hurayrah”. Kemudian saya keluar dengan perasaan gembira mengharap termakbulnya doa Nabi s.a.w itu. Ketika pulang saya dapati pintu rumah terkunci. Ibuku mendengar langkah kedua kakiku, lalu dia mengatakan: “Tetaplah di tempatmu wahai Abu Hurairah” Lalu saya mendengar suara gemericik air ternyata dia mandi lalu mengenakan pakaian rumahnya dan bergegas memakai kerudungnya kemudian membuka pintu, dia mengatakan, ‘Wahai Abu Hurairah, aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan yang benar selain Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya.’⁴¹

Hadith ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. mendoakan ibu Abu Hurayrah r.a yang masih Mushrik ketika itu diberi hidayah oleh Allah s.w.t. Sebelum itu dilaporkan kepada Nabi s.a.w bahawa ibu Abu Hurayrah sering mengeluarkan kata-kata yang tidak baik kepadanya namun sifat pemaaf, sabar dan penyantun Nabi s.a.w. mengatasi segala-galanya.⁴² Dalam riwayat yang lain Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud; “Sesungguhnya aku diutus bukan sebagai pelaknat, namun aku diutus sebagai rahmat”.⁴³ Maka dalam hadith ini sifat rahmat yang ada pada Nabi s.a.w telah diaplikasikannya dalam bentuk doa. Maka ternyata selepas doa tersebut ibu Abu Hurayrah memeluk Islam.

Menurut Ibn Kathir, hadith ini menjadi bukti kenabian Muhammad s.a.w. dan kebenaran ajarannya.⁴⁴ Ini kerana doa Nabi s.a.w. telah dimakbulkan oleh Allah s.w.t. serta-merta. Ternyata uslub *al-Ta'lif bi al-Du'a'* yang digunakan Nabi s.a.w. untuk membawa ibu Abu Hurayrah ke dalam Islam diperkenankan oleh Allah s.w.t. Uslub berdoa mengharapkan hidayah kepada golongan sasaran merupakan salah satu bentuk dakwah yang boleh melembutkan hati mereka, melapangkan dada dan mempengaruhi perasaan mereka untuk menerima ajaran Islam.

Uslub al-Hilm

Di dalam al-Qur'an terdapat sebelas perkataan حليم yang membawa beberapa maksud yang berlainan. Antaranya surah Hud, ayat 75 perkataan حليم yang disandarkan kepada Nabi Ibrahim membawa maksud penyantun.⁴⁵ Begitu juga dengan surah al-Saffat ayat 101 perkataan حليم yang dinisbahkan kepada Nabi Ismail diertikan sebagai amat penyabar.⁴⁶ Menurut al-Munawi, *al-Hilm* bermaksud tenang atau mengawal diri iaitu mampu mengawal diri dan perasaan marah yang sedang memuncak.⁴⁷ Manakala al-'Askari pula mentakrifkan *al-Hilm* sebagai menangguhkan hukuman yang sepatutnya dikenakan, iaitu penangguhan hukuman daripada Allah s.w.t.

³⁹ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, juz. 10, hlm. 87-88.

⁴⁰ Ibn Hajar al-‘Asqalani, Ahmad b. ‘Ali (1991). *Al-Isabah fi Tamyiz al-Sahaba*, Beirut: Dar al-Jil, juz 7, hlm. 512.

⁴¹ Muslim bin Hajjaj (1998), *Sahih Muslim*, Riyadh: Dar al-Mughni, juz 12, hlm. 286.

⁴² Sa‘id bin ‘Ali, *Fiqh al-Da‘wah fi Sahih al-Bukhari*, hlm. 531.

⁴³ Muslim, *Sahih Muslim*, juz. 12, hlm. 494.

⁴⁴ Ibn Kathir (2004), *Al-Bidayah wa al-Nihayah*, Kaherah: Bayt Afkar al-Dawliyyah, juz. 8, hlm. 112.

⁴⁵ Syafiyyurrahman (2014), *Shahih Tafsir Ibnu Kathir*, Jakarta: Pustaka Ibnu Kathir, jld. 4, hlm. 547

⁴⁶ *Ibid.*, jld. 7, hlm. 617.

⁴⁷ Muhammad ‘Abd al-Ra’uf al-Munawi,(1990), , *al-Tawqif ‘ala Muhimmat al-Ta‘arif*, Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 294.

terhadap pelaku maksiat dengan tidak menafikan kenikmatan dan kesenangan yang diperoleh mereka.⁴⁸ Maka perkataan *al-Hilm* boleh difahami sebagai penyabar, penyantun dan menahan diri daripada perasaan marah serta dendam.

Manakala dalam konteks dakwah *al-Hilm* adalah salah satu uslub yang dimiliki oleh pendakwah yang berilmu dan beriman dalam mengawal sifat marah dan perasaan dendam terhadap musuh.⁴⁹ Sejarah telah menujukkan bahawa Nabi s.a.w. adalah seorang tokoh yang memiliki sifat *al-Hilm* dan mempraktikkan sifat tersebut dalam penyampaian dakwah khususnya ketika berinteraksi dengan bukan Islam. Ibn ‘Umar r.a telah meriwayatkan sebuah hadith yang menunjukkan Nabi s.a.w. bersikap penyabar dan penyantun iaitu dengan melarang membunuh kaum wanita dan kanak-kanak dalam peperangan. Kata Ibn ‘Umar r.a ;

أَنْ امْرَأَةً وَجَدْتُ فِي بَعْضِ مَغَازِي رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُتِلَتْ فَأَنْكَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُتْلَةً

النساء والصبيان

Maksudnya: “Sesungguhnya pernah ada seorang perempuan yang terbunuh pada salah satu peperangan. Maka Nabi s.a.w. melarang pembunuhan terhadap wanita dan kanak-kanak”.⁵⁰

Berdasarkan hadith ini, menurut Ibn Hajar peristiwa pembunuhan wanita di dalam peperangan berlaku semasa peperangan Hunain.⁵¹ Ulama bersepakat bahawa dilarang membunuh wanita dan kanak-kanak di dalam peperangan kerana mereka bukanlah golongan yang pada kebiasaannya menjadi pembunuhan.⁵² Larangan yang terdapat di dalam hadith ini menjadi garis panduan kepada seluruh umat Islam bahawa musuh dalam kalangan wanita yang turut serta dalam peperangan tidak dibunuh. Ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. bersifat *al-Hilm* iaitu penyantun dan mampu mengawal perasaan marah dengan tidak menghukum wanita bukan Islam yang menentang baginda dalam peperangan.

Dalam situasi perang yang kedua-dua pihak saling bunuh-membunuh antara satu sama lain, ajaran Islam melalui Nabi s.a.w tetap menerapkan nilai peri kemanusiaan melalui uslub dakwah yang tinggi bagi mengharapkan kalimah tauhid tertegak sepenuhnya di bumi ini. Sikap Nabi s.a.w. ini adalah menggambarkan kehalusan uslub dakwah yang cuba diterapkan di dalam minda umat ini amnya dan golongan bukan Islam khususnya yang memperlihatkan Islam adalah suatu agama yang tidak menghukum golongan lemah dan tidak berlaku zalim terhadap mereka yang tidak mampu berlawan.

Selain itu sejarah telah mencatatkan bahawa antara wanita yang memeluk Islam atas rasa kagum dan terkesan dengan penghormatan Islam ke atas golongan wanita ialah Hindun bin ‘Utbah.⁵³ Beliau yang sebelum ini agak keras dalam penentangannya terhadap Nabi s.a.w. telah mendapat hidayah selepas penguasaan Nabi s.a.w. dan para sahabatnya dalam peristiwa Pembukaan Mekah. Sehubungan dengan itu uslub *al-Hilm* jika diaplikasikan dengan betul ia boleh mempengaruhi jiwa dan perasaan para wanita bukan Islam untuk memeluk Islam.

Uslub Zikr Da‘iah al-‘Amal al-Salih li Yaktada bih

Uslub Zikr Da‘iah al-‘Amal al-Salih li Yaktada bih adalah uslub yang dipraktikkan dalam menyatakan dan menerangkan kebaikan yang dilakukan oleh seseorang agar diikuti kebaikannya.⁵⁴ Maka menceritakan kebaikan yang dilakukan oleh seseorang sama ada Muslim atau bukan Islam adalah salah satu pendekatan dalam seni berdakwah.

Selain itu Allah s.w.t memuji kemuliaan bani Adam (seluruh manusia) sebagai sebaik-baik penciptaanNya di atas muka bumi. Pujian tersebut boleh dilihat di dalam Surah *al-Isra'*, ayat yang ke 70 yang bermaksud:

⁴⁸ Al-Hasan bin Abdullah al-‘Askari (2014), *Mu’jam al-Furuq al-Lughawiyyah*, Kaherah: Dar al-‘Ilm wa al-Thaqafah, hlm. 137.

⁴⁹ Sa‘id bin ‘Ali, *Fiqh al-Da‘wah fi Sahih al-Bukhari*, hlm. 930.

⁵⁰ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, juz. 10, hlm. 206.

⁵¹ Ibn Hajar, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, juz. 6, hlm. 147.

⁵² Ali bin Khalaf bin Battal, (2003), *Sharh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal*, Riyadh: Maktabah al-Rushd, juz 5, hlm 170.

⁵³ Mohd Hafiz bin Daud (2013), *Non-Muslim Menurut Kaca Mata Rasulullah*, Selangor: Tihani Cetak Sdn. Bhd, hlm. 182

⁵⁴ Al Qahtani, *Mugawimmat al-Da‘yah al-Najihat*, hlm 103.

“Dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam dan kami telah beri mereka berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan kami berikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah kami ciptakan”.⁵⁵

Ayat ini memberi isyarat bahawa Allah s.w.t mengiktiraf dan memujikan kebaikan yang terdapat pada seluruh umat manusia sama ada Muslim atau pun bukan Islam tanpa menghadkan kepada golongan tertentu sahaja. Maka Nabi s.a.w sebagai pembawa risalah Ilahi turut mempamerkan sikap tersebut dengan menerangkan amal kebaikan yang dilakukan manusia walaupun ia daripada wanita bukan Islam. Hal ini adalah sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh ‘Umar bin al-Khattab seperti berikut:

قَدْ عَلِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبِّيْ فَإِذَا امْرَأٌ مِّنْ السَّيْئِيْنِ قَدْ تَحْلِبُ تَدْبِيْهَا شَسْقِيْ فَإِذَا وَجَدَتْ صَبَّيْ فِي السَّيْئِيْنِ أَخْتَهُ فَأَصْقَقَهُ بِبَطْنِهَا وَأَرْضَعَتْهُ فَقَالَ لَنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتْرُونَ هَذِهِ طَارِحَةً وَلَدَهَا فِي النَّارِ قُلْنَا لَا وَهِيَ تَقْدُرُ عَلَى أَنْ لَا تَطْرَحَهُ فَقَالَ اللَّهُ أَرْحَمُ بِعِبَادِهِ مِنْ هَذِهِ بِوَلَدِهَا

Maksudnya: “Didatangkan tawanan perang kepada Rasulullah, dan terdapat seorang wanita dalam kalangan tawanan itu yang mencari-cari (anaknya) tetapi setiap kali dia menjumpai bayi dalam kalangan tawanan, dia akan mengambil bayi tersebut dan meletakkan bayi itu di perutnya lalu menyusukannya. Maka Rasulullah s.a.w berkata kepada kami bahawa “Adakah kalian merasakan dia (wanita tersebut) tergamak mencampakkan anaknya ke dalam api? Kami menjawab “Tidak, demi Allah mahupun dia berupaya untuk tidak mencampakkannya”. Lalu Rasulullah s.a.w berkata “Allah lebih kasih kepada hambaNya daripada wanita ini yang kasihkan anaknya.”⁵⁶

Menurut Badr al-Din al-‘Aini (w. 1453H), hadith di atas menerangkan kisah keibuan wanita bukan Islam yang menjadi tawanan semasa perang Hunain. Wanita tersebut bersungguh-sungguh mencari anaknya dalam kalangan tawanan perang. Sebaik sahaja menjumpai anaknya maka dibelai sepenuh hati dan disusu dengan perasaan keibuan dan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi. Sehubungan dengan itu, Nabi s.a.w menjadikan kisah wanita bukan Islam tersebut sebagai perumpamaan bahawa kasih sayang Allah s.w.t terhadap hambaNya adalah lebih besar dan tidak ada tandingan.⁵⁷ Ibn Taimiyyah (w.728H) menyatakan bahawa kisah tersebut merupakan perumpamaan kasih sayang Allah S.W.T terhadap makhlukNya yang tidak dapat ditandingi dengan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.⁵⁸

Selain itu, Nabi s.a.w tidak pernah merasa janggal dan jijik untuk menyebut kebaikan wanita tawanan perang Hunain itu walaupun datangnya daripada seorang yang bukan Islam. Nabi s.a.w melalui uslub ini mengajar kaedah berinteraksi dengan bukan Islam iaitu mengiktiraf dan mengakui kebaikan sekalipun mendatangkan perumpamaan menggunakan wanita bukan Islam. Uslub tersebut boleh mengurangkan jurang perbezaan dalam pergaulan dengan wanita bukan Islam sekali gus menonjolkan kebaikan yang diterima sejagat.

Nilai-nilai yang baik diberi pengiktirafan serta penghormatan dalam Islam melalui penggunaan uslub ini walaupun wujud perbezaan daripada sudut akidah. Suatu nilai yang dianggap baik secara universal juga dianggap baik dalam Islam selagi tidak melanggar syariat. Secara tidak langsung penggunaan uslub ini akan berjaya menawan hati wanita bukan Islam untuk menerima Islam yang memberi pengiktirafan dan penghormatan terhadap kebaikan yang dilakukan mereka.

Uslub *La Tasubbu*

Allah S.W.T melarang Nabi-Nya dan orang-orang yang beriman daripada mencaci sembahannya kaum Musyrikin walaupun cacian tersebut mengandungi kemaslahatan. Ini kerana perbuatan tersebut boleh menimbulkan kemudaratan yang lebih besar daripada kemaslahatan.⁵⁹ Maka uslub *La Tasubbu* ini adalah uslub acuan dakwah Ilahi iaitu dakwah yang berteraskan nas al-Qur'an yang perlu diaplikasikan terhadap semua golongan

⁵⁵ Abu Fida' Isma'il bin Kathir, (2004) , *Tafsir Ibn Kathir*, Beirut: Dar al Fikr, jilid 3, hlm 1102.

⁵⁶ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bab رَحْمَةُ الْوَلَدِ وَتَقْبِيلُهُ وَمُعَاقَبَتُهُ, juz. 8, hadith no. 5999, hlm. 8.

⁵⁷ Al-‘Aini Badr al-Din bin Muhammad Mahmud bin Ahmad (2001), ‘*Umdah al-Qari Syarah Sahih al-Bukhari*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, hlm. 56.

⁵⁸ Ibn Taimiyyah (2005), *Majmu‘ al-Fatawa*, Kaherah : Dar al-Wafa' juz 16, hlm 448.

⁵⁹ Abu Fida' Isma'il bin Kathir (2004), *Tafsir Ibn Kathir*, Beirut: Dar al Fikr, jld. 2, hlm. 676.

khususnya terhadap bukan Islam. Tegahan mencaci adalah merangkumi semua bentuk objek dan perkara yang ada hubung kait dengan sembahana serta kepercayaan bukan Islam.

Dalam konteks dakwah terhadap wanita bukan Islam, uslub ini telah dipamerkan oleh Nabi s.a.w sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh ‘Aishah seperti berikut:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي سَفَرٍ لَهُ فَاعْتَلَ بَعِيرٌ لِصَفِيفَةٍ وَفِي إِبْلٍ زَيْنَبَ فَصَلَّى فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ بَعِيرًا لِصَفِيفَةٍ اعْتَلَ قَلْوَ أَعْطَيْتُهَا بَعِيرًا مِنْ إِبْلِكَ فَقَالَتْ أَنَا أَعْطِيَ تِلْكَ الْيَهُودِيَّةَ قَالَ فَتَرَكَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَا الْحِجَّةَ وَالْمُحَرَّمَ شَهْرَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةَ لَا يَأْتِيهَا

Maksudnya: “Sesungguhnya Nabi S.A.W pada suatu ketika dalam permusafiran. Ketika itu unta yang dinaiki isteri baginda yang bernama Safiyyah jatuh sakit sedangkan Zainab memiliki unta yang sihat. Lalu Nabi s.a.w berkata kepada Zainab “Unta Safiyyah jatuh sakit, sudikah kamu meminjamkan unta lebihan kamu?”, Lantas Zainab menjawab “Apakah perlu aku memberi pinjam kepada si Yahudi itu?. Atas perlakunya Nabi s.a.w meninggalkannya dua atau tiga bulan iaitu Bulan Zul Hijjah dan Muharram dan beliau tidak mendatanginya.”⁶⁰

Berdasarkan hadith tersebut, Mulla ‘Ali al-Qari (w. 1014H) menyatakan bahawa jawapan Zainab terhadap permintaan Nabi s.a.w untuk meminjamkan unta kepada Safiyyah menimbulkan kemarahan baginda.⁶¹ Malah hadith ini menjadi hujah untuk meninggalkan percakapan dengan seseorang melebihi tiga hari sebagai pengajaran dan mendidik seseorang kerana mempamerkan perbuatan yang tidak baik. Namun bukanlah tujuan meninggalkan percakapan dengan seseorang di atas sebab permusuhan dan kemarahan.⁶² Peristiwa tersebut menjadi penanda aras bagi para pendakwah dalam berinteraksi terhadap wanita bukan Islam untuk menjayakan seruan dakwah. Nabi s.a.w menunjukkan kemarahan terhadap penggunaan perkataan berunsur penghinaan, cercaan atau pun cemuhan sekalipun ianya adalah perkara yang benar. Misalnya dalam hadith di atas panggilan “*Wanita Yahudi*” terhadap Safiyyah walaupun benar tetap dilarang oleh Nabi s.a.w kerana perkara tersebut boleh menjatuhkan maruah dan menimbulkan kemarahan terhadap golongan sasaran. Oleh itu pendakwah perlulah cermat dalam pemilihan perkataan, panggilan, gelaran atau sebagainya agar tidak menimbulkan impak negatif dalam berdakwah khususnya terhadap kaum wanita yang lebih sensitif lebih-lebih lagi terhadap wanita bukan Islam.

Uslub Inzar

Uslub *Inzar* adalah kaedah asas dalam penyampaian dakwah yang dapat disingkap sepanjang sejarah penyebaran dakwah para rasul terhadap bukan Islam. Sudah menjadi satu lumrah metodologi dakwah bahawa setiap kali para rasul menyeru kaumnya beriman kepada Allah s.w.t akan diikuti pula dengan uslub *Inzar* untuk mendatangkan kegerunan terhadap sasaran.⁶³ Malah Nabi s.a.w memulakan dakwah pertama di Bukit Safa mengajak kaum Musyrikin Mekah beriman kepada Allah s.w.t dengan menggunakan uslub *Inzar* iaitu menanamkan kegerunan dalam jiwa mereka dengan mengingatkan kepedihan azab Allah s.w.t seperti yang dirakam dalam surah al-Syu’ara’ ayat 214.⁶⁴ Maka uslub tersebut turut diperaktikkan oleh Nabi s.a.w dalam berinteraksi dengan wanita bukan Islam yang melampaui batas dalam menghina dan mencemuh baginda serta ajaran Islam itu sendiri. Peristiwa ini dapat dilihat sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh ‘Ali bin Abi Talib seperti berikut:

أَنَّ يَهُودِيَّةً كَانَتْ نَشْتُمُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَقَعُ فِيهِ فَخَنَقَهَا رَجُلٌ حَتَّىٰ مَاتَتْ فَأَبْطَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَمَهَا

⁶⁰ Ahmad, *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, juz. 41, No. 25002, hlm 463

⁶¹ Safiyyah binti Huyay bin Akhtab bin Sa’yah bin Amir bin Ubaid bin Ka’ab bin al-Khazraj bin Habib bin Nadhir bin al-Kham bin Yakhurn, termasuk keturunan Harun bin ‘Imran bin Qahith bin Lawi bin Isra’il bin Ishaq bin Ibrahim. Ayahnya adalah ketua kaum Yahudi daripada suku Bani Nadir yang menetap disekitar Madinah. Ibunya bernama Barrah binti Samaual dari Bani Quraidah. Safiyyah dilahirkan sebelas tahun sebelum Hijrah, atau dua tahun setelah masa kenabian Muhammad. Safiyyah binti Huyay adalah salah seorang daripada isteri yang ke-sebelas Nabi S.A.W dan termasuk dalam kalangan “Ummul Mukminin” (Lihat : Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad (2011), *Nuzhah al-Fudala’ fi Tahdhib Siyar A’lam al-Nubala*’, Muhammad Musa al-Sharif (pnyt.), Jeddah :Dar al-Andalus al-Khadra’, juz 2, hlm 251-252).

⁶² ‘Ali bin Sultan Muhammad al-Qari (2001), *Mirqah al-Mafatih Sharah Misykat al-Masabih*, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, hadith no. 5049, juz. 9, hlm 249-250.

⁶³ ‘Abd al-Razak bin ‘Abd al-Muhsin (2005), *Al-Jami’ li al-Buhuth wa al-Rasail*, Riyadh : Dar Kunuz Ishbilia, hlm. 151.

⁶⁴ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, jilid. 3, hlm. 1264.

Maksudnya: “Sesungguhnya terdapat seorang wanita Yahudi telah menghina dan mencela Nabi S.A.W. Maka seorang lelaki telah mencekiknya sehingga mati. Lalu Rasulullah S.A.W telah menghalalkan darahnya (membenarkan wanita tersebut dibunuh). ”⁶⁵

Ibn Qayyim (w. 751H) dalam mengulas hadith tersebut menukilkan pendapat Ibn ‘Abbas bahawa sesiapa sahaja dalam kalangan orang Islam yang menghina Allah dan Rasul-Nya atau mencerca mana-mana nabi maka dianggap murtad dan diarahkan bertaubat, namun sekiranya tidak bertaubat maka perlu dibunuh. Manakala mana-mana golongan bukan Islam yang ingkar dan berkeras menghina Allah atau mencerca para nabi maka telah terungkailah jaminan keselamatan baginya dan dihukum bunuh. Hukuman bunuh terhadap golongan pencerca tersebut termasuk dalam Ijmak para sahabat.⁶⁶ Oleh itu, dalam kelembutan berdakwah terhadap wanita bukan Islam Nabi s.a.w juga memaparkan uslub *Inzar* untuk menggerunkan golongan yang bersikap ingkar dan bersikap melampau dalam menghina agama.

Ibn Taimiyyah (1328M) menyatakan bahawa Nabi S.A.W telah mengarahkan beberapa orang kafir dibunuh semasa Pembukaan Mekah termasuklah dua hamba wanita Musyrikah⁶⁷ milik Abdullah bin Khattal. Hamba-hamba wanita tersebut adalah merupakan penyanyi-penyanyi yang sering menghina dan mencerca Nabi s.a.w. Selain itu Islam tidak membenarkan kaum wanita dibunuh melainkan wanita tersebut melakukan perkara yang menghalalkan dibunuh.⁶⁸ Oleh yang demikian, walaupun dalam keghairahan berdakwah terhadap wanita bukan Islam Nabi sa..w tidak membuka ruang kepada golongan tersebut untuk menghina dan menjatuhkan imej Islam. Dakwah disebarluaskan kepada bukan Islam tanpa membiarkan imej Islam dicalar. Maka uslub *Inzar* menunjukkan ketegasan dalam kelembutan berdakwah bagi menimbulkan ketakutan dan kegerunan dalam jiwa orang yang ingin mempermainkan Islam. Malah pendekatan ini akan mewujudkan sasaran dakwah dalam kalangan wanita bukan Islam yang sentiasa memandang mulia dan memberikan penghormatan sewajarnya terhadap dakwah Islam yang disampaikan.

Penutup

Dakwah Nabi s.a.w. telah disampaikan dengan pelbagai gaya, seni dan pendekatan yang berlainan bergantung pada situasi dan keadaan sasarannya. Kepelbagaiannya penyampaian itu adalah dengan satu tujuan iaitu untuk memastikan isi dakwah sampai kepada sasaran agar ia membawa rahmat kepada seluruh alam. Tempoh dakwah Nabi s.a.w. selama 23 tahun sama sekali tidak meminggirkan kaum wanita sebagai sasarannya. Malah uslub berlainan yang digunakan oleh Nabi s.a.w. kepada wanita bukan Islam adalah berpandukan uslub dakwah yang digariskan oleh Allah s.w.t. sebagaimana yang termaktub di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tanpa menindas mereka. Penekanan dakwah Nabi s.a.w. kepada wanita khususnya wanita bukan Islam adalah seimbang sebagaimana dakwah kepada golongan lelaki. Malah dalam beberapa hadith menunjukkan golongan wanita menjadi golongan sasaran utama dakwah Nabi s.a.w. Secara keseluruhannya uslub merupakan suatu ilmu yang perlu dipelajari, dikaji dan dikuasai sebaiknya bagi memudahkan seruan Islam difahami dan diterima dengan hati yang terbuka. Sehubungan dengan itu suatu langkah mengaplikasikan uslub yang pelbagai seharusnya dimanfaatkan oleh para pendakwah dalam menyampaikan seruan Islam khususnya kepada bukan Islam agar mereka tertarik untuk mengetahui dan memahami ajaran Islam.

Rujukan

‘Abd al-Karim Zaidan, (2002). *Usul Da‘wah*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

‘Abd al-Razak ‘Abd al-Muhsin, (2005). *Al-Jami‘ li al-Buhuth wa al-Rasa‘il*, Riyadh : Dar Kunuz Ishbilia.

⁶⁵ Abu Dawud, *Sunan Abu Dawud*, Bab **الْحُكْمُ فِيمَنْ سَبَّ النَّبِيًّ**, juz. 4, hlm 226, no. 4364. Sanad hadith ini dinilai daif oleh al-Albani, (1998) *Da‘if Sunan Abu Dawud*, Riyadh : Maktabah al-Ma‘arif ,juz. 2, hlm 469. Namun hadith ini mempunyai riwayat sokongan (*syawahid*) bernombor 4363 dalam bab yang sama yang dinilai sebagai sahibh oleh al-Albani.

⁶⁶ Ibn Qayyim (1992) *Zad al-Ma‘ad fi Hadyi Khair al-‘Ibad*, Beirut : Mu’assasah al-Risalah, juz. 5, hlm 59..

⁶⁷ Nama dua wanita yang diarahkan dibunuh oleh Nabi S.A.W ialah Faratni dan Arnab. Mereka adalah hamba milik Abdullah bin Khattal. Mereka sering melaungkan syair-syair dan nyanyian yang menghina dan mencerca Nabi S.A.W di Mekah. Namun salah seorang daripada mereka yang bernama Faratni telah diampunkan Nabi S.A.W dan memeluk Islam serta hidup sehingga zaman khalifah ‘Uthman bin ‘Affan. Sumber dipetik daripada Safi al-Rahman Mubarafuri (1976), *al-Rahiq al-Makhtum*, Riyadh : Dar al-Salam, hlm .349

⁶⁸ Ibn Taimiyyah (1996), *al-Qiram al-Masa‘il ‘ala Shatim al-Rasul*, Beirut: Dar Ibn Hazm, juz 1, hlm 136.

- ‘Ali bin Khalaf Ibn Battal, (2003). *Sharh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Abd al-Karim b. Muhammad al-Sam‘ani, (1988). *Al-Ansab*. Beirut: Dar al-Hanan.
- Abd Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Abi Ja‘far Muhammad b. Jarir al-Tabari, (2012). *Tafsir al-Tabari Jami‘ al-Bayan ‘an Ta’wil Ay al-Qur’an*.
- Abu Abdullah Ahmad bin Muhammad Ahmad, (1995). *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*. Kaherah: Mu’assasah al-Risalah.
- Abu Fida’ Isma‘il Ibn Kathir. (2004). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Kaherah: Bayt Afkar al-Dakwliyyah.
- Abu Fida’ Isma‘il Ibn Kathir. (2004). *Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Dar al Fikr.
- Abu Fida’ Isma‘il Ibn Kathir. (2008). *Tafsir Ibn Kathir Tahdhib wa Tartib*. Salah ‘Abd al-Fattah al-Khalidi (ed.) Amman : Dar al-Faruq.
- Abu Zakaria Yahya bin Sharif al-Nawawi, (1972). *Sharh al-Nawawi ‘ala Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi.
- Ahmad Ahmad Ghalus. (1978). *Al-Da‘wah al-Islamiyah Ululiha wa Wasa’iluhu*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Islamiyah.
- Al-Hasan bin Abdullah al-‘Askari, (2014). *Mu’jam al-Furuq al-Lughawiyyah*. Kaherah: Dar al-‘Ilm wa al-Thaqafah.
- Ali bin Sultan Muhammad al-Qari, (2001). *Mirqah al-Mafatih Sharh Misykat al-Masabih*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Jawharah binti Muhammad al-‘Imrani. (1998). *Da‘wah al-Nabi s.a.w li al-Nisa’*. Riyadh: Universiti Islam Muhammad bin Su‘ud.
- Al-Tahir Ibn Asyur, (1997). *Al-Tahrir al-Tanwir*. Tunisia: Dar al-Sahmun.
- Badr al-Din bin Muhammad Mahmud bin Ahmad al-‘Aini, (2001). ‘Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali. (1991). *Al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali. (2001). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir. *Bagaimana Berinteraksi dengan Bukan Islam dalam Konteks Malaysia*. Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam dalam Negara Islam. Shah Alam: Selangor. 23-24 Disember 2009.
- Mohd Hafiz bin Daud. (2013). *Bukan Islam Menurut Kaca Mata Rasulullah*. Selangor: Tihani Cetak Sdn. Bhd.
- Muhamad Fuad Yeoh Abdullah Seminar. (2012). *Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke 4 bertemakan Dakwah Islamiah Sebagai Kekuatan Ummah*. Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).
- Muhammad ‘Abd al-Ra’uf al-Munawi, (1990). *al-Tawqif ‘ala Muhimmat al-Ta‘arif*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Abu al-Fati al-Bayanuni, (1995). *Al-Madkhali ila ‘Ilm al Da‘wah*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Muhammad al-Ghazali, (1981). *Ma ‘a Allah*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi.

Muhammad bin Abu Bakar Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1992). *Zad al-Ma ‘ad fi Hadyi Khair al-‘Ibad*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Muhammad bin Abu Bakar Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1996). *Miftah Dar al-Sa‘adah wa Mansyur Walayah ’Ahl al-‘Ilm wa Irada*. Beirut : Dar Ibn ‘Affan.

Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi, (2003). *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Riyadh: Dar ‘Alim al-Kutub.

Muhammad bin Ismail al-Bukhari, (2002). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Thawqu al-Najah.

Muhammad Musa al-Sharif (ed.). Jeddah: Dar al-Andalus al-Khadra’.

Muhammad Nasir al-Din al-Albani, (1998). *Da ‘if Sunan Abu Dawud*, Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif.

Muslim bin Hajjaj al-Qusyairi, (1998). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Mughni.

Noresah Baharom et.al. (2010). *Kamus Dewan Edisi ke Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rashid Ridha, *Tafsir al-Manar*. (t.th). Beirut: Dar al-Fikr.

Sa‘id ‘Ali, (2001). *Fiqh al-Da ‘wah fi Sahih al-Bukhari*, Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniah.

Sa‘id bin Ali al-Qahtani, (1994). *Muqawimmat al-Da ‘yah al-Najihat*, tt.p

Safi al-Rahman al-Mubarakfuri, (1976). *al-Rahiq al-Makhtum*. Riyadh: Dar al-Salam.

Salah ‘Abd al-Fattah al-Khalidi (ed.). Damsyik: Dar al-Qalam.

Samil ‘Atif al-Zain, (1985). *Sifat al-Da ‘iyah wa Kaifiyah ‘amal al-Da ‘wah*. Beirut: Dar al-Kutub.

Shams al-Din Muhammad al-Dhahabi, (2011). *Nuzhah al-Fudala’ fi Tahdhib Siyar A’lam al-Nubala’*.

Sulaiman bin al-Ash’ath Abu Dawud, (2009). *Sunan Abu Dawud*. Riyadh : Maktabah al-Ma‘arif.

Syafiiyurrahman, (2014). *Shahih Tafsir Ibnu Kathir*. Jakarta: Pustaka Ibnu Kathir.

Taqiuddin Ahmad bin Abd al-Salam Ibn Taimiyyah. (1993). *al-Jawab al-Sahih li Man Badal Din al-Masih*. Riyadh : Dar al-‘Asimah.

Taqiuddin Ahmad bin Abd al-Salam Ibn Taimiyyah. (1996). *al-Qiram al-Masa’il ‘ala Shatim al-Rasul*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Taqiuddin Ahmad bin Abd al-Salam Ibn Taimiyyah. (2005). *Majmu‘ al-Fataawa*. Kaherah : Dar al-Wafa’.

Wan Husein Azmi. (1984). *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.